

# AXCEL KAOPEC SUSPENSION

Light Kaolin / Pectin Citrus (1g/5ml / 20mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Kaopec Suspension.
2. Bagaimana Axcel Kaopec Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Kaopec Suspension.
4. Cara menggunakan Axcel Kaopec Suspension.
5. Semasa menggunakan Axcel Kaopec Suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Kaopec Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Kaopec Suspension

Axcel Kaopec Suspension merupakan anti cirit-birit yang digunakan untuk melegakan cirit-birit yang berlaku sekali-sekala.

## Bagaimana Axcel Kaopec Suspension berfungsi

Ubat ini mengandungi Light Kaolin untuk membantu menghilangkan bahan toksik daripada sistem pencernaan dan meningkatkan bahan buangan pepejal. Ia juga mengandungi Pektin yang merupakan serat semulajadi.

## Sebelum menggunakan Axcel Kaopec Suspension

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Axcel Kaopec Suspension jika:

- Anda menghadapi gangguan usus.
- Produk ini bukan dipreskripsikan oleh doktor/ahli farmasi yang bertauliah.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum menggunakan Axcel Kaopec Suspension

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- Antibiotik.

Ia mungkin masih selamat bagi anda untuk mengambil Axcel Kaopec Suspension dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda

## Cara menggunakan axcel kaopec suspension

### -Berapa banyak harus digunakan

Untuk pengambilan oral sahaja.

Ambil 3 kali sehari, apabila diperlukan.

*Kanak-kanak:*

6-12 tahun: 20ml.

### -Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu mengambil Axcel Kaopec Suspension mengikut keadaan anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Kaopec Suspension

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Pastikan diri anda terhidrat pada setiap masa.
- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Kaopec Suspension.
- Maklumkan kepada doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Kaopec Suspension dengan orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penggunaan pada kanak-kanak bawah 6 tahun adalah tidak digalakkan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Kaopec Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

# AXCEL KAOPEC SUSPENSION

Light Kaolin / Pectin Citrus (1g/5ml / 20mg/5ml)

---

- Sembelit yang serius, di mana menyebabkan kekerasan najis dalam rektum, mungkin jarang berlaku pada kanak-kanak dan orang dewasa.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Kaopec Suspension

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Kaopec Suspension dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Kaopec Suspension yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Axcel Kaopec Suspension adalah larutan berwarna krim dengan perisa krim.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:  
Light Kaolin dan Pectin (Citrus)
- Bahan Tidak Aktif:  
Refined Sugar, Methylparaben, Sorbitol, Purified Water, Cream Flavour dan Propylene Glycol.

### -Nombor MAL

MAL19911416X

## Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

24/03/2018

## Nombor siri

NPRA(R4/1)200318/00075